

# PM fokus pelaksanaan

BH - 29/3/2006

## Kerjasama kakitangan awam, berkanun dituntut jayakan RMK-9

Oleh Kadir Dikoh

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kakitangan awam dan badan berkanun bekerjasama erat bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat, Jumaat ini.

Perkara itu disampaikan Perdana Menteri dalam taklimat tertutup selama kira-kira dua jam dengan 180 pegawai tertinggi kerajaan termasuk Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah dan semua setiausaha kerajaan negeri.

Turut menghadiri taklimat yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, di sini ialah Ketua Eksekutif badan berkanun termasuk Naib Canselor institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata pada majlis itu, Abdullah menerangkan mengenai perhatian dan aspirasinya terhadap aspek pelaksanaan rancangan lima tahun sekali itu serta perkara yang harus menjadi keutamaan.

"Bagi Perdana Menteri, RMK-9 amat penting iaitu bagaimana pe-

rancangannya, apa yang menjadi keutamaan bagi kerajaan, bagaimana pelan dibuat dan perkara yang perlu diambil perhatian oleh semua kakitangan awam sebagai badan pelaksana.

"Perdana Menteri mahu semua pelaksana ini bekerja dengannya bagi memastikan kejayaan RMK-9 dan beliau memberi penekanan kepada soal pelaksanaan. Buku dokumen

**“ Abdullah mengakui pentingnya fungsi sektor awam sebagai pelaksana dan pemacu agenda pembangunan negara sejak Rancangan Malaysia Pertama hingga sekarang ”**

**Samsudin Osman**  
Ketua Setiausaha Negara

(RMK-9) ini tidak membawa erti jika tidak dilaksanakan dengan jaya," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis taklimat itu.

Samsudin berkata, RMK-9 dianggap amat penting kerana ia menggariskan hala tuju pembangunan negara sehingga 2010 iaitu pelan rancangan fasa pertama untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Katanya, Abdullah juga menerangkan mengenai sektor yang perlu diberikan keutamaan dalam RMK-9 itu nanti, tetapi butiran lanjut mengenai perkara berkenaan akan diumumkan ketika pembentangan Jumaat ini.

Beliau berkata, Abdullah turut mengulangi gesaannya supaya sistem penyampaian perkhidmatan awam terus dipertingkatkan kerana kejayaan RMK-9 juga bergantung kepada kecekapan perkhidmatan awam.

"Jadi, kita perlu berbincang, merancang dan mengatur strategi pelaksanaannya. Banyak perbincangan akan berlangsung sesama agensi," katanya, yang menamakan Jabatan Kerja Raya sebagai satu daripada agensi yang berperanan utama.

Sementara itu, Samsudin berkata,

pasukan pakar dari Universiti Harvard bagi membantu kerajaan memperbaiki sistem penyampaian kerajaan sudah membuat kajian dan cadangan mereka dijangka dikemukakan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) minggu depan.

Katanya, satu cadangan kumpulan terdiri daripada tiga ahli akademik itu untuk mengendalikan kursus khas dengan fokus kepada kepimpinan dalam organisasi.

"Mereka pakar dalam soal ini. Ia (pelantikan pasukan pakar itu) bermula dalam perbincangan MTEN... jadi mereka akan terus berbincang dengan MTEN selain berinteraksi dengan kita (pegawai)," katanya.

Bagaimanapun katanya, pelantikan pakar perunding seperti itu bukan sesuatu yang baru kerana ia dibuat dari masa ke semasa bukan saja dari Universiti Harvard malah universiti ternama lain di dunia.

"Ini tidak bermakna kita tidak mempunyai pakar, kita ada tetapi penting juga untuk meninjau pendapat orang lain mengenai bagaimana sesuatu harus dilakukan. Terpujang kepada kerajaan sama ada menerima atau menolak cadangan mereka," katanya.